

→ AGAMA

Cerap anak bulan dorong kajian ilmiah

Komentar



Ahmad Irfan Ikmal Hisham

Pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang.

Ramadan yang bakal menjengah, hadir dengan keberkatan dan kebaikan kepada umat manusia. Inilah bulan menawarkan pengampunan Allah SWT secara besar-besaran, sekali gus mendorong kita berbuat baik kepada manusia lain.

Firman Allah SWT: "Wahai orang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang dahulu daripada kamu supaya kamu bertakwa." (Al-Baqarah: 183)

Sekiranya ayat perintah berpuasa dimulakan dengan memanggil orang beriman, penentuan tarikh puasa juga ditentukan dengan falsafah sama, iaitu perlunya umat Islam mencerap anak bulan atau hilal sebagai antara tanda kebesaran Allah SWT.

Sistem kalender hijrah berasaskan peredaran bulan mengelilingi bumi dengan bilangan sama ada 29 atau 30 hari dan tidak ditentukan semata-mata penggiliran bulan, jijimak atau konjungsi seperti diamalkan dalam kalender lunar Cina, India serta Yahudi.

Dalam Islam, penentuan awal bulan dilakukan semata-mata dengan rukyah atau cerapan hilal. Ini berdasarkan mafhum hadis Nabi SAW: "Janganlah kamu mula berpuasa melainkan setelah melihat hilal." (HR Bukhari)

Kenampakan hilal

Dalam kaedah fiqh, ulama menyatakan petunjuk masuknya bulan baharu adalah berdasarkan kenampakan hilal dan bukannya kewujudannya.

Ketika zaman Nabi SAW, kecerapan berpuasa Ramadan sebanyak 29 hari lebih banyak berbanding 30 hari. Ini berdasarkan athar Ibnu Mas'ud RA: Kami berpuasa bersama-sama Nabi 29 hari lebih banyak berbanding 30 hari. (HR Abi Daud)

Ini membuktikan sahabat bersungguh-sungguh melakukan aktiviti cerapan sejak kefarduan puasa Ramadan pada tahun kedua hijrah. Pada masa sama, riwayat itu juga membuktikan lagi Semenanjung Tanah Arab

SENARAI SEMAK PUASA RAMADAN

TAKRIF	Bahasa: Meninggalkan Istilah fiqh: Menahan diri daripada melakukan perkara yang boleh membatalkan puasa bermula daripada terbit fajar hingga terbenam matahari dan disertai niat.
HUKUM	Fardu ain dan berdosa meninggalkannya tanpa uzur syarie
DALIL	<p>1. Al-Quran: "Wahai orang beriman, kalian diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang dahulu daripada kamu supaya kamu bertakwa." (Al-Baqarah: 183)</p> <p>2. Hadis: Islam didirikan atas lima perkara. Antaranya puasa Ramadan. (HR Bukhari)</p> <p>3. Ijma'</p>
RUKUN	<p>1. Niat: Wajib niat antara waktu selepas terbenam matahari hingga sebelum Subuh pada setiap malam (mengikut jumur ulama mazhab Shafie, Hanafi dan riwayat paling sahih Imam Ahmad)</p> <p>- Lafaz: "Sahaja aku berpuasa esok hari menuaikan fardu Ramadan tahun ini kerana Allah Taala."</p> <p>- Pada malam pertama, boleh berniat puasa sebulan sekali gus (berdasarkan</p>
	pandangan Imam Malik) sebagai langkah berhati-hati dengan lafadz: "Sahaja aku berpuasa sebulan Ramadan seluruhnya kerana Allah Taala."
	2. Menahan daripada perkara membatalkannya bermula terbit fajar hingga tenggelam matahari:
	<ul style="list-style-type: none"> ✓ - Masuknya sesuatu ke dalam rongga mulut liang yang terbuka (mulut, telinga, kemulauan dan dubur) dengan sengaja. ✓ - Muntah dengan sengaja ✓ - Haid dan nifas ✓ - Keluar mani dengan sengaja ✓ - Jimak ✓ - Murtad ✓ - Gila atau pengsan
	PERKARA SUNAT DILAKUKAN
	<p>1. Bersahur dengan mengakhirkannya</p> <p>2. Mempercepatkan berbuka puasa apabila masuk waktu Maghrib</p> <p>3. Solat tarawih dan menghidupkan malam</p> <p>4. Membaca al-Quran</p> <p>5. Berkitikaf khususnya 10 malam terakhir</p>
	PERKARA MAKRUH DILAKUKAN
	<p>1. Berkumur dan memasukkan air ke hidung secara berlebihan ketika berwuduk</p> <p>2. Memberus gigi selepas gelincir matahari tanpa sebab</p>

GRAFIK BH

ketika itu, tidak tercemar dengan pencemaran cahaya dan kurang berawan hingga memudahkan mereka mencerap anak bulan.

Berdasarkan riwayat ini, umat Islam daripada zaman dahulu hingga sekarang bersungguh-sungguh melakukan cerapan hilal setiap 29 hari bulan hijrah. Sekiranya anak bulan tidak kelihatan, kesokan hari akan digenapkan (istikmal) kepada 30 hari tetapi kalau kelihatan, esoknya akan masuk bulan baharu.

Antara cabaran mencerap anak bulan ialah faktor cuaca. Awan tebal atau kabus di kaki langit kadang-kadang menyukarkan proses cerapan kerana anak bulan terlindung.

Berdasarkan analitis data raya dikumpulkan sejak ilmu astrometri dan falak semakin berkembang dalam kalangan umat Islam, kita boleh menghitung keboleh-nampakan anak bulan dengan hampir tepat.

Inilah proses digunakan kera-

jaan Malaysia sekarang, iaitu kaedah hisab imkan al-rukyah. Proses kiraan ini bukan menolak rukyah atau cerapan, bahkan menjadikannya keboleh-nampakan atau keboleh-herciran itu sebagai kriteria asas. Ia selari dengan hadis: "Apabila cerapan kamu dihalang oleh awan, maka hitunglah." (HR Bukhari)

Kaedah cerapan secara pasti

Hadis ini selari dengan petunjuk disebut dalam hadis memberikan bayangan pada zaman Baginda, umat Islam belum lagi pandai menghitung. Maka difahami sekiranya teknik hitungan sudah tepat, maka ia boleh digunakan untuk melengkapkan kaedah cerapan secara pasti.

Rasulullah SAW bersabda: "Kami adalah umat buta huruf yang tidak boleh menulis dan juga tidak menghitung, satu bulan itu jumlah harinya begini dan begini, iaitu sekali berjumlah 29 dan sekali berjumlah 30 hari." (HR Bukhari)

Antara sarjana Mazhab Shafie

yang menolak penggunaan hisab termasuk Imm al-Haramain, al-Mawardi, Imam Rafie, Imran Nawayi dan ramai lagi majoriti ulama mazhab. Premis penolakan adalah kerana tidak selari dengan arahan merukyah dalam kefahaman tekstual nas syarak, selain dikaitkan dengan ilmu al-tarjim (astrologi atau perbintangan) yang diharapkan dalam Islam.

Imam Subki pula menerima penggunaan hisab, hanya untuk tujuan menafikan penampakan anak bulan yang mustahil pada kaedah hisab dan pada masa sama, menolak penggunaan hisab untuk pensabitan anak bulan.

Sementara itu, ada juga penulisan dalam wacana al-Shafiiyah yang menuliskan pendapat sarjana yang mengiktiraf peranan hisab seperti Abu al-'Abbas, Muttarriq al-Shikir, al-Qaffal, al-abari dan Ibn Qutaibah. Imam Ibnu Hajar al-Haithami turut meletakkan syarat penerimaan hisab seperti berikut:

1. Kesepakatan ahli falak bahwa hilal tidak kelihatan pada hari itu.

2. Bilangan ahli falak yang mencapai mutawatir jumlah yang tidak mungkin bersepakat untuk berdusta)

3. Hitungan hisab itu dibuktikan keberkesannya.

Kajian ilmiah

Pada zaman ini, ilmu hisab bagi penentuan awal bulan terbukti dapat mengatasi masalah cerapan di negara berawan tebal seperti negara ini. Apa yang pasti, antara hikmah utama Ramadan dimulakan dengan cerapan anak bulan, adalah bagi mendorong umat Islam melakukan kajian ilmiah berterusan terhadap jasad samawi ciptaan Tuhan.

Ia juga menggalakkan umat Islam menyambut Ramadan dengan merenung tanda kebesaran Allah SWT bagi membolehkan mereka mengharungi pesta beribadah dengan penuh keimanan agar penghujung Ramadhan nanti beroleh ketakwaan.



Pada zaman ini, ilmu hisab bagi penentuan awal bulan terbukti dapat mengatasi masalah cerapan di negara berawan tebal seperti negara ini. Apa yang pasti, antara hikmah utama Ramadan dimulakan dengan cerapan anak bulan, adalah bagi mendorong umat Islam melakukan kajian ilmiah berterusan terhadap jasad samawi ciptaan Tuhan"